

PANDUAN PEPERIKSAAN PEMBEDIL TEORI BAGI TAHUN 2023

Berikut adalah maklumat kepada calon-calon yang ingin membuat permohonan untuk menduduki Peperiksaan Pembedil Teori:

1. Tarikh Peperiksaan Pembedil Teori

Bilangan	Tarikh	Hari	Masa
Bil. 1/2023	6 April 2023	Khamis	Kertas 1 - Objektif: (9.00 am – 10.30 am)
Bil. 2/2023	10 Ogos 2023	Khamis	
Bil. 3/2023	23 Nov. 2023	Khamis	Kertas 2 - Subjektif: (11.00 am – 1.00 pm)

2. Pusat Peperiksaan

Kod Pusat		Pusat Peperiksaan
SA	101	Shah Alam (IQM Puchong)
KN	102	Kuantan
IP	103	Ipoh
KC	104	Kuching
KK	105	Kota Kinabalu
AS	106	Alor Setar
KB	107	Kota Bharu
JB	108	Johor Bahru
SB	109	Seremban
KT	110	Kuala Terengganu
USM	111	Universiti Sains Malaysia

Nombor angka giliran calon akan dimaklumkan oleh Urusetia Peperiksaan Pembedil seminggu sebelum tarikh peperiksaan.

Catatan: Pusat peperiksaan di atas hanya akan diwujudkan tertakluk kepada bilangan permohonan minimum yang diterima oleh Urusetia Peperiksaan Pembedil.


3. Pemohon Yang Layak Menduduki Peperiksaan

- 3.1 Permohonan hanya terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas sahaja.
- 3.2 Pemohon diwajibkan hadir **kursus asas pembedil** yang dianjurkan oleh penganjur diiktiraf oleh JMG dan PDRM (minimum 28 jam kredit). Sijil kursus yang dikeluarkan oleh penganjur hendaklah dikemukakan semasa membuat permohonan untuk menduduki peperiksaan.
- 3.3 Pemohon tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah oleh pihak berkuasa.
- 3.4 Pemohon hendaklah lulus tapisan keselamatan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM).
- 3.5 Pemohon hendaklah boleh membaca dan menulis.

4. Sukatan Peperiksaan

Soalan-soalan Peperiksaan Pembedil Teori adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Calon boleh membuat pilihan bahasa yang digunakan untuk menjawab soalan-soalan.

Peperiksaan ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu:

Bahagian	Jenis soalan	Bilangan soalan	Tempoh masa
Bahagian Pertama	Soalan objektif	Lima puluh (50)	1 ½ jam
Bahagian Kedua i) Bahagian A ii) Bahagian B	Soalan subjektif Soalan wajib. Soalan pilihan.	Dua (2) (Jawab semua) Enam (6) (Jawab tiga (3))	 2 jam

5. Borang Permohonan

Calon-calon yang berminat untuk menduduki Peperiksaan Pembedil Teori hendaklah membuat permohonan melalui BORANG JMGLK/TDA. Borang ini boleh diperolehi di semua pejabat Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia. Borang ini juga boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan, www.jmg.gov.my.

6. Yuran Permohonan

Calon-calon yang ingin menduduki Peperiksaan Pembedil Teori akan dikenakan yuran peperiksaan sebanyak RM120 (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Sahaja).

Tujuan yuran ini dikenakan adalah untuk menanggung kos penyediaan peperiksaan. Yuran ini tidak akan dikembalikan sekiranya calon yang telah mendaftar tidak menghadiri peperiksaan yang berkenaan.

Pembayaran yuran boleh dibuat dengan menggunakan kiriman wang/ wang pos/ bank draf atas nama **“PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL”**

Catatan: Bayaran yuran peperiksaan menggunakan cek tidak diterima.

7. Cara membuat permohonan dan tarikh tutup permohonan

Borang permohonan lengkap* berserta yuran peperiksaan hendaklah dihantar ke alamat dibawah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh peperiksaan.

**Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Peti surat 1015, Jalan Sultan Azlan Shah
30820 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Urusetia Peperiksaan Pembedil)**

Catatan:

Borang permohonan lengkap adalah:

- 1) Borang permohonan yang telah diisi dan ditandatangani*
- 2) Satu (1) salinan kad pengenalan*
- 3) Satu (1) salinan Kursus Asas Pembedil*

8. Permohonan Lewat

Sebarang permohonan yang diterima lewat daripada tarikh tutup yang telah ditetapkan tanpa alasan yang munasabah akan ditolak.

Disediakan Oleh:

**Urusetia Peperiksaan Pembedil
Cawangan Perkhidmatan Lombong Dan Kuari
Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia**

Tel : 05-5406000
Faks : 05-5406100